



GARIS PANDUAN PENGELUARAN FATWA NEGERI PULAU PINANG

(Garis Panduan ini telah diperakukan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 3/2018 pada 6-7 Jun 2018)

JABATAN MUFTI NEGERI PULAU PINANG



Cetakan Pertama 2019
Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang.

GARIS PANDUAN PENGELUARAN FATWA NEGERI PULAU PINANG

Terbitan : **JABATAN MUFTI NEGERI PULAU PINANG.**

Konsep, Rekabentuk dan Cetakan : **PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA
BERHAD (PNMB)**



KANDUNGAN

Prakata	
Tujuan	1
Latar Belakang	2
Tafsiran	3
Fungsi Jawatankuasa Fatwa	4
Permohonan Mendapatkan Fatwa	4
Klasifikasi Isu	4
Sumber Rujukan Fatwa	5
Kaedah Pengeluaran Fatwa	5
1. Pengeluaran Fatwa Menurut <i>Qawl</i> Muktamad Mazhab Shafie	6
2. Pengeluaran Fatwa Menurut <i>Qawl</i> Muktamad Mazhab Hanafi	9
3. Pengeluaran Fatwa Menurut <i>Qawl</i> Muktamad Mazhab Maliki	13
4. Pengeluaran Fatwa Menurut <i>Qawl</i> Muktamad Mazhab Hanbali	15
Penyediaan <i>Sighah</i>	19
Pewartaan Fatwa	19
Penyampaian dan Hebahan	20
Penutup	21
Rujukan	22



PRAKATA

MUFTI KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah ﷻ dengan keizinan-Nya, Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang dapat menerbitkan Garis Panduan Pengeluaran Fatwa Negeri Pulau Pinang. Garis Panduan ini adalah perincian kepada peruntukan ringkas mengenai tatacara pengeluaran fatwa di dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004. Ia sebagai panduan kepada Jawatankuasa Fatwa dalam memutuskan pandangan hukum atau fatwa.

Garis Panduan ini disediakan berasaskan kepada Garis Panduan Pengeluaran Fatwa Di Malaysia yang disediakan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan diperakukan oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI Kali Ke-111 pada 8-10 November 2017.

Bagi tujuan penyediaan Garis Panduan Pengeluaran Fatwa Negeri Pulau Pinang, ia telah disesuaikan dengan peruntukan pengeluaran fatwa yang diperuntukkan di dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004, khususnya berkaitan dengan tatacara dan peruntukan-peruntukan yang berkaitan. Manakala perkara-perkara yang berkaitan dengan perincian *qawl* muktamad mazhab yang empat mengambil sepenuhnya di dalam garis panduan yang disediakan oleh JAKIM.

Garis Panduan Pengeluaran Fatwa Negeri Pulau Pinang ini telah diperakukan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 3/2018 pada 6-7 Jun 2018 dan disemak oleh Penasihat Undang-Undang Negeri Pulau Pinang.

Adalah diharapkan bahawa garis panduan ini akan memudahkan para penyelidik dan pihak yang menyediakan kertas kajian hukum bagi tujuan mendapatkan pandangan hukum atau fatwa daripada Jawatankuasa Fatwa. Ia juga dapat menjelaskan kepada masyarakat mengenai tatacara pengeluaran sesuatu pandangan hukum atau fatwa yang dibuat oleh Jawatankuasa Fatwa.



Akhirnya saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang telah menjayakan penerbitan garis panduan ini. Semoga ia memberikan manfaat dan mempermudah segala urusan pengeluaran hukum atau fatwa di negeri Pulau Pinang.

“Cekap, Akauntabiliti, Telus”

(DATO' SERI DR. WAN SALIM BIN WAN MOHD. NOOR)

Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Pengerusi

Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang



Tujuan

Garis Panduan ini disediakan sebagai asas rujukan kepada:

- (i) Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang (Jawatankuasa Fatwa) dalam mengeluarkan sesuatu pandangan hukum atau fatwa; dan
- (ii) penyelidik atau pihak yang menyediakan kertas kajian hukum bagi tujuan mendapatkan pandangan hukum atau fatwa daripada Jawatankuasa Fatwa.



Latar Belakang

2. Hukum atau fatwa yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa dianggap sebagai pandangan rasmi kerajaan terhadap sesuatu isu yang berkaitan dengan agama Islam. Ini disebabkan Jawatankuasa Fatwa telah ditubuhkan secara rasmi di bawah peruntukan Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004 ('Enakmen Pentadbiran').
3. Dalam proses mengeluarkan hukum atau fatwa, Jawatankuasa Fatwa secara lazimnya akan mengeluarkan hukum atau fatwa berasaskan *qawl* muktamad Mazhab Shafie. Sekiranya *qawl* muktamad Mazhab Shafie bertentangan dengan kepentingan awam, mana-mana *qawl* muktamad Mazhab Hanafi, Maliki dan Hanbali, atau mana-mana mazhab lain yang kaedah *istinbat* hukumnya hampir kepada aliran-aliran ini boleh dirujuk. Jika dengan merujuk *qawl-qawl* muktamad tersebut Jawatankuasa Fatwa berpandangan terdapat percanggahan dengan kepentingan awam, maka Jawatankuasa Fatwa boleh menggunakan ijtihad mereka sendiri.
4. Bagi tujuan proses pengeluaran hukum atau fatwa, maka Garis Panduan Pengeluaran Fatwa ini diwujudkan sebagai panduan kepada Jawatankuasa Fatwa dalam mengeluarkan hukum atau fatwa. Garis panduan ini menjelaskan dengan lebih terperinci proses pengeluaran hukum atau fatwa yang telah diperuntukkan secara ringkas di dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004.



Tafsiran

5. Bagi maksud Garis Panduan ini:

“**Enakmen Pentadbiran**” ertinya Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004;

“**Fatwa**” ertinya apa-apa ketetapan hukum tentang sesuatu isu berkaitan dengan akidah, syariah dan akhlak yang diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa. Dari sudut undang-undang ia akan dianggap sebagai fatwa apabila disiarkan di dalam warta menurut subseksyen 48(4) Enakmen Pentadbiran;

“**Hukum Syarak**” ertinya Hukum Syarak mengikut Mazhab Shafie atau mengikut mana-mana satu Mazhab Hanafi, Maliki atau Hanbali;

“**Jawatankuasa Fatwa**” ertinya Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang yang ditubuhkan di bawah seksyen 46 Enakmen Pentadbiran;

“**Jawatankuasa Fatwa MKI**” ertinya Jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Majlis Raja-Raja di bawah peraturan 11 Peraturan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia;

“**Majlis**” ertinya Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang yang ditubuhkan di bawah subseksyen 4(1) Enakmen Pentadbiran;

“**MKI**” ertinya Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia;

“**Mufti**” ertinya orang yang dilantik menjadi Mufti bagi Negeri Pulau Pinang di bawah seksyen 44 Enakmen Pentadbiran;

“**Setiausaha**” ertinya Setiausaha Jawatankuasa di bawah subseksyen 46(2)(e) Enakmen Pentadbiran;



Fungsi Jawatankuasa Fatwa

6. Fungsi Jawatankuasa Fatwa ialah:
 - (i) menyediakan fatwa atas apa-apa persoalan yang belum muktamad atau yang menimbulkan kontroversi atau yang berhubung dengan Hukum Syarak (Seksyen 47 Enakmen Pentadbiran); dan
 - (ii) menimbangkan nasihat dan syor yang telah dibuat oleh Jawatankuasa Fatwa MKI mengenai perkara-perkara yang menyentuh kepentingan nasional (Seksyen 52 Enakmen Pentadbiran).

Permohonan Mendapatkan Fatwa

7. Permohonan untuk mendapatkan hukum atau fatwa daripada Jawatankuasa Fatwa hendaklah dikemukakan kepada Mufti.
8. Jawatankuasa Fatwa boleh menyediakan pandangan hukum atau fatwa atas:
 - (i) perintah Yang di-Pertuan Agong;
 - (ii) kehendaknya sendiri; atau
 - (iii) permintaan oleh mana-mana orang atau pihak.

Klasifikasi Isu

9. Isu-isu yang dipohon pandangan hukum atau fatwa hendaklah diklasifikasikan terlebih dahulu sama ada ia adalah:
 - (i) isu yang telah diputuskan secara ijmak atau khilaf;
 - (ii) isu yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa yang memerlukan pindaan atau semakan semula; atau
 - (iii) isu baharu (kontemporari).



Sumber Rujukan Fatwa

10. Sumber utama rujukan Jawatankuasa Fatwa dalam menetapkan dan memberikan pandangan hukum atau fatwa hendaklah mengikut sumber-sumber berikut:
- (i) Al-Quran (القرآن);
 - (ii) Al-Sunnah (السنة);
 - (iii) Al-Ijmak (الإجماع); dan
 - (iv) Al-Qiyas (القياس).

Kaedah Pengeluaran Fatwa

11. Sebelum Jawatankuasa Fatwa memberi pandangan hukum atau membuat fatwa, satu kajian dan penyelidikan serta penyediaan kertas fatwa mengenai isu berkenaan hendaklah dilakukan.
12. Setelah kajian selesai dilaksanakan, Jawatankuasa Fatwa akan bersidang untuk membincangkan isu berkenaan bagi tujuan memberi pandangan hukum atau membuat fatwa.
13. Format penyediaan kertas kajian bagi menetapkan hukum atau fatwa secara asasnya hendaklah mengandungi perkara-perkara berikut:
- (i) Tujuan,
 - (ii) Latar Belakang,
 - (iii) Asas-Asas Pertimbangan,
 - (iv) Masalah (Isu Utama),
 - (v) Hujah dan dalil,
 - (vi) Syor, dan
 - (vii) Rujukan dan Lampiran.
14. Dalam mengeluarkan apa-apa pandangan hukum atau fatwa, Jawatankuasa Fatwa hendaklah pada lazimnya mengikut *qawf* muktamad Mazhab Shafie.



15. Jika Jawatankuasa Fatwa berpendapat bahawa dengan mengikut *qawl* muktamad Mazhab Shafie suatu keadaan yang berlawanan dengan kepentingan awam akan terhasil, Jawatankuasa Fatwa bolehlah mengikut mana-mana *qawl* muktamad Mazhab Hanafi, Mazhab Maliki atau Mazhab Hanbali.
16. Jika Jawatankuasa Fatwa berpendapat bahawa tiada satu pun *qawl* muktamad daripada empat mazhab itu boleh diikuti tanpa membawa kepada keadaan yang berlawanan dengan kepentingan awam, Jawatankuasa Fatwa bolehlah membuat fatwa itu mengikut ijtihad tanpa terikat dengan *qawl* yang muktamad daripada mana-mana mazhab yang empat itu.

Pertama: Pengeluaran Fatwa Menurut *Qawl* Muktamad Mazhab Shafie

Definisi *Qawl* Muktamad Mazhab Shafie

17. *Qawl* muktamad Mazhab Shafie ialah pandangan *rajih* yang dipegang dalam Mazhab Shafie yang telah ditetapkan melalui kaedah-kaedah tertentu.

Kaedah Penetapan *Qawl* Muktamad Dalam Mazhab Shafie

18. Kaedah penetapan adalah seperti berikut:
- (i) pendapat yang disepakati oleh Imam al-Rafi'e (623H) dan Imam al-Nawawi (676H);
 - (ii) sekiranya berlaku perselisihan antara keduanya iaitu Imam al-Rafi'e dan Imam al-Nawawi, maka pendapat yang muktamad adalah pendapat Imam al-Nawawi, selagi mana ulama *mutaakhirin* tidak mentarjihkan pendapat Imam al-Rafi'e. Sekiranya ulama *mutaakhirin* mentarjihkan pendapat Imam al-Rafi'e, maka pendapat Imam al-Rafi'e adalah yang muktamad.¹

¹ Antara kitab-kitab fiqh karangan Imam al-Rafi'e ialah:

- (i) *Fath al-'Aziz al-Mashhur Bi al-Sharh* (فتح العزيز المشهور بالشرح الكبير)
- (ii) *Al-Sharh al-Saghir* (الشرح الصغير)
- (iii) *Al-Muharrar* (المحرر)



19. Sekiranya terdapat perbezaan pendapat Imam al-Nawawi dalam kitab-kitab beliau, maka hendaklah merujuk mengikut turutan kitab beliau seperti yang berikut:

- | | |
|---|--|
| (i) <i>Al-Tahqiq</i> | (التحقيق) |
| (ii) <i>Al-Majmuk Sharh al-Muhaddhab</i> | (المجموع شرح المذهب) |
| (iii) <i>Al-Tanqih Sharhuhu 'Ala Wasit al-Imam al-Ghazali</i> | (التنقيح شرحه على وسيط الإمام الغزالي) |
| (iv) <i>Rawdah al-Talibin</i> | (روضة الطالبين) |
| (v) <i>Minhaj al-Talibin</i> | (منهاج الطالبين) |
| (vi) <i>Al-Fatawa</i> | (الفتاوى) |
| (vii) <i>Sharh Sahih Muslim</i> | (شرح صحيح مسلم) |
| (viii) <i>Tashih al-Tanbih</i> | (تصحيح التنبيه) |
| (ix) <i>Nukat al-Tanbih</i> | (نكت التنبيه) |

20. Sekiranya tidak terdapat pendapat *al-Shaykhan* (al-Rafi'e dan al-Nawawi) dalam kitab kedua-duanya, maka pendapat yang muktamad adalah apa yang disepakati oleh Imam Ibn Hajar al-Haytami (974H) dan Imam Shams al-Din al-Ramli (1004H).

21. Sekiranya kedua-dua Imam iaitu Ibn Hajar dan Imam al-Ramli berselisih pendapat, Jawatankuasa Fatwa boleh memilih antara pendapat kedua-dua Imam apa yang lebih menepati masalah, mengelakkan kesukaran (*mashaqqah*) dan membawa kemudahan berdasarkan metodologi Mazhab Shafie.

22. Sekiranya tidak terdapat pendapat Imam Ibn Hajar dan Imam al-Ramli maka pendapat yang muktamad ialah apa yang disepakati oleh ulama *mutakhirin*. Sekiranya terdapat perselisihan dalam kalangan mereka, maka pendapat yang muktamad ialah mengikut tertib berikut:

- (i) pendapat yang dipilih oleh Shaykh al-Islam Zakariyya al-Ansari (926H) dalam kitabnya *Al-Ghurar al-Bahiyyah fi Sharh Manzumah al-Bahjah al-Wardiyyah* (الغرر البهية في شرح منظومه البهجة الوردية), *Sharh al-Manhaj* (شرح المنهج) atau *Fath al-Wahhab* (فتح الوهاب);
- (ii) pendapat yang dipilih oleh Imam Al-Khatib Al-Sharbini (977H) dalam kitabnya *Mughni al-Muhtaj* (مغني المحتاج) dan lainnya;



- (iii) pendapat yang dipilih oleh al-Zayyadi (1024H) dalam kitabnya *Hashiyah Sharh 'Ala al-Manhaj* (حاشية شرح على المنهج) dan *Sharh 'Ala al-Muharrar* (شرح على المحرر);
- (iv) pendapat yang dipilih oleh Ibn Qasim al-'Ubbadi (994H) dalam kitabnya *Hashiyah 'Ala Sharh al-Minhaj* (حاشية على شرح المنهاج);
- (v) pendapat yang dipilih oleh al-Shihab 'Umayrah (907H) dalam kitabnya *Hashiyah 'Ala Sharh al-Minhaj Li al-Mahalli* (حاشية على شرح المنهاج للمحلي);
- (vi) pendapat yang dipilih oleh 'Ali al-Syabramallisi (1087H) dalam kitabnya *Hashiyah 'Ala Nihayat al-Muhtaj Li al-Ramli* (حاشية على نهاية المحتاج للملي);
- (vii) pendapat yang dipilih oleh Nur al-Din al-Halabiyy (1044H) dalam kitabnya *Hashiyah 'Ala Sharh al-Manhaj* (حاشية على شرح المنهج);
- (viii) pendapat yang dipilih oleh al-Shaubari (1065H) dalam kitabnya *Hashiyah Syarh al-Manhaj* (حاشية شرح المنهج); dan
- (ix) pendapat yang dipilih oleh al-Inani (1075 H) dalam kitabnya *Hashiyah 'Ala Tahrir* (حاشية على التحرير).

Penggunaan Qawl Tidak Muktamad Dalam Mazhab Shafie

- 23. *Qawl* tidak muktamad ialah pandangan yang berlawanan dengan pandangan *qawl rajih* atau pun *daif*.
- 24. Jawatankuasa Fatwa boleh memutuskan hukum atau fatwa dengan *qawl* tidak muktamad (tidak *rajih*) di sisi ulama Mazhab Shafie sekiranya ada keperluan dengan mengambil kira prinsip-prinsip berikut iaitu:
 - (i) perlu mengetahui dalilnya;
 - (ii) tidak menyalahi pendapat yang diijmakkan;
 - (iii) pendapat tersebut boleh mengelakkan kesukaran (*mashaqqah*) dan mendatangkan kebaikan (*maslahah*); dan
 - (iv) menisbahkan pendapat tersebut kepada sumber yang muktabar.
- 25. Istilah-istilah yang bersamaan dengan *qawl* tidak muktamad di sisi ulama Mazhab Shafie ialah:
 - (i) *Qawl Qadim* iaitu pendapat Imam Shafie yang berlawanan dengan



- qawl jadid* atau pendapat beliau sebelum berpindah ke Mesir;
- (ii) *Muqabil al-Asah* (paling sahih) iaitu pendapat kuat (sahih) yang berlawanan dengan pandangan yang paling sahih (*asah*);
 - (iii) *Muqabil sahih* iaitu pendapat yang tidak diamalkan kerana lemah sumbernya; dan
 - (iv) *Muqabil masyhur* iaitu pendapat yang terpencil (*khafi*) dan pelik (*gharib*).

Kedua: Pengeluaran Fatwa Menurut *Qawl Muktamad* Mazhab Hanafi

Definisi *Qawl Muktamad* Mazhab Hanafi

26. *Qawl muktamad* Mazhab Hanafi ialah *qawl zahir al-riwayah* iaitu pendapat yang *rajih* lagi kuat di sisi tiga Imam Mazhab Hanafi iaitu Imam Abu Hanifah (150H), Imam Abu Yusuf Ya'qub bin Ibrahim (182H) dan Imam Muhammad bin al-Hasan al-Shaybani (189H).

Kaedah Penetapan *Qawl Muktamad* Mazhab Hanafi

27. Kaedah Penetapan *qawl muktamad* Mazhab Hanafi adalah seperti berikut:

Pertama: Kitab-kitab *Zahir al-Riwayah* oleh Imam Muhammad bin al-Hasan al-Shaybaniyy (189H) menurut turutan berikut:

- (i) *Al-Sayr al-Kabir* (السير الكبير)
- (ii) *Al-Sayr al-Saghir* (السير الصغير)
- (iii) *Al-Ziyadat* (الزيادات)
- (iv) *Al-Jami' al-Kabir* (الجامع الكبير)
- (v) *Al-Jami' al-Saghir* (الجامع الصغير)
- (vi) *Al-Mabsut* (المبسوط)



Kitab “*al-Kafi*” (الكافي) karangan al-Marwazi, al-Hakim al-Shahid Abu al-Fadl Muhammad bin Muhammad bin Ahmad juga dianggap sebagai kitab usul atau muktamad Mazhab Hanafi. Kitab “*al-Kafi*” (الكافي) ini telah menghimpunkan keenam-enam kitab karangan Imam Muhammad bin al-Hasan di atas.

Kedua: Kitab-kitab *Masalah al-Nawadir*:

Iaitu kitab-kitab karangan Imam Muhammad bin al-Hasan al-Shaybani (189H) yang diriwayatkan oleh segolongan kecil (*al-Ahad*) yang tidak sampai tahap *mutawatir* atau *masyhur*. Ini adalah pendapat yang bukan *Zahir al-Riwayah* (*Ghayr Zahir al-Riwayah*) kerana ia tidak kuat seperti yang pertama (*Zahir al-Ziwayah*) tadi. Namun terkadang pendapat-pendapat *al-Nawadir* lebih sahih daripada pendapat *Zahir al-Riwayah* kerana kekuatan tempat ambilannya dan kesahihan riwayatnya. Ini kerana kebanyakan pendapat dalam kitab *al-Nawadir* adalah riwayat yang sah seperti kitab *al-Raqqiyyat* (الرَّقَائِيَّات)², kitab *al-Kaysaniyyat* (الكَيْسَانِيَّات)³, kitab *al-Jurjaniyyat* (الْجُرْجَانِيَّات)⁴ dan kitab *al-Haruniyyat* (الْهَارُونِيَّات)⁵.

Ketiga: Kitab-kitab *al-Fatawa*:

Ia juga dinamakan *al-Waqi'at* iaitu kitab-kitab yang yang mengandungi isu-isu yang diistinbatkan oleh anak-anak murid Imam Muhammad bin al-Hasan dan ulama *mutaakhirin* Mazhab Hanafi selepasnya; seperti kitab *al-Nawazil* (النوازل) karangan Abu al-Layth al-Samarqandi, kitab *Majmuk al-Nawazil* (مجموع النوازل) dan kitab *al-Waqi'at* (الواقعات) karangan Imam al-Natifi, kitab *al-Waqi'at* (الواقعات) karangan Imam al-Sadr al-Shahid ‘Umar bin ‘Abd al-‘Aziz bin Mazah al-Bukhari, kitab *Fatawa* (فتاوى) kitab *al-Khulasah* (الخلاصة) *al-Muhit al-Burhani* (المحيط البرهاني) dan kitab *al-Sarajiyah* (السراجية) karangan Imam Qadikhan.

² Kitab “*al-Raqqiyyat*” ialah karangan Imam Muhammad bin al-Hasan ketika beliau menjadi qadi di Raqqah.

³ Kitab “*al-Kaysaniyyat*” ialah karangan Imam Muhammad bin al-Hasan yang dinisbahkan kepada muridnya yang bernama Abu ‘Amru Sulayman bin Shu‘ayb al-Kaysan.

⁴ Kitab “*al-Jurjaniyyat*” ialah karangan Imam Muhammad bin al-Hasan ketika beliau berada di Jurjan.

⁵ Kitab “*al-Haruniyyat*” ialah karangan Imam Muhammad bin al-Hasan ketika zaman Harun al-Rashid.



28. Sekiranya permasalahan yang diriwayatkan dalam *Zahir al-Riwayah* tidak mempunyai khilaf dalam kalangan imam-imam Mazhab Hanafi, maka hendaklah dirujuk. Pendapat ini akan dianggap sebagai pendapat Mazhab Hanafi walaupun mereka tidak menyatakan secara jelas. Namun boleh merujuk kepada pendapat yang disebut oleh ulama *mutaakhirin* Hanafi kerana darurat dan ada keperluan beramal dengannya.
29. Sekiranya terdapat perbezaan dalam kalangan imam-imam Mazhab Hanafi dalam sesuatu isu *Zahir al-Riwayah* dan pendapat salah seorang muridnya sama dengan pendapat Imam Abu Hanifah, maka pendapat itu diutamakan berbanding pendapat yang berlawanan dengannya.
30. Sekiranya terdapat perbezaan dalam kalangan imam-imam Mazhab Hanafi dalam sesuatu isu *Zahir al-Riwayah* dan Imam Abu Hanifah mempunyai pandangan tersendiri, berbeza dengan dua orang anak muridnya Abu Yusuf dan Muhammad bin al-Hasan, maka:
- (i) sekiranya kedua orang anak muridnya Abu Yusuf dan Muhammad bin al-Hasan mempunyai pandangan tersendiri setiap seorangnya, maka pendapat Imam Abu Hanifah diutamakan. Sekiranya kedua orang anak muridnya Abu Yusuf dan Muhammad bin al-Hasan bersepakat atas satu pendapat yang berlawanan dengan pendapat Imam Abu Hanifah, maka perlu diteliti. Sekiranya perbezaan mereka semua berdasarkan perbezaan masa dan zaman, maka pendapat kedua orang anak muridnya Abu Yusuf dan Muhammad bin al-Hasan adalah diutamakan kerana keadaan masyarakat sudah berubah;
 - (ii) sekiranya perbezaan mereka semua bukan berdasarkan perbezaan masa dan zaman, maka Jawatankuasa Fatwa boleh memilih dan berfatwa dengan pendapat yang dirasakan lebih *rajih* dari segi dalilnya atau berfatwa dengan pendapat Imam Abu Hanifah secara mutlak;
 - (iii) isu yang berkaitan dengan ibadah dan *ahwal syakhsiah*, pendapat Imam Abu Hanifah adalah muktamad;



- (iv) isu berkaitan kehakiman pula, pendapat Qadi Abu Yusuf adalah muktamad;
- (v) isu berkaitan pewarisan *Dhawi al-Arham* pendapat Imam Muhammad bin Hasan adalah muktamad;
- (vi) isu berkaitan wakaf adalah berdasarkan apa yang lebih bermanfaat dan lebih sesuai pada pandangan Jawatankuasa Fatwa.

31. Sekiranya tidak terdapat suatu pendapat imam-imam Mazhab Hanafi sama ada dalam *zahir al-riwayah* atau lain-lain, maka perlu dilihat pendapat-pendapat ulama selepas mereka. Sekiranya mereka bersepakat atas satu pendapat, maka pendapat itulah yang diamalkan. Sekiranya mereka berselisih pendapat, maka pendapat yang dipegang ialah pandangan majoriti ulama.

32. Kitab-kitab khusus yang menjadi rujukan pendapat muktamad Mazhab Hanafi selepas kitab-kitab *Zahir al-Riwayah* menurut turutannya ialah:

- (i) Kitab *Sharh Ma'ani al-Athar* (شرح معاني الآثار) karangan al-Tahawi, Abu Ja'far Ahmad bin Muhammad bin Salamah bin 'Abd al-Malik bin Salamah al-Azdi al-Hajari al-Misri (321H);
- (ii) Kitab *al-Mukhtasar fi al-Fiqh* (المختصر في الفقه) karangan al-Karkhi, Abu al-Hasan 'Ubaydullah bin al-Husayn bin Dallal bin Dalham al-Baghdadiyy (340H);
- (iii) Kitab *Sharh Mukhtasar al-Tahawi* (شرح مختصر الطحاوي) karangan al-Jassas, Ahmad bin 'Ali Abu Bakr al-Razi (370H);
- (iv) Kitab *al-Tajrid* (التجريد) karangan al-Quduri, Abu al-Husayn Ahmad bin Muhammad bin Ahmad bin Ja'far bin Hamdan (428H);
- (v) Kitab *al-Mabsut* (المبسوط) karangan al-Sarakhsi, Muhammad bin Ahmad bin Sahl (483H);
- (vi) Kitab *Bada'i al-Sana'i' fi Tartib al-Shara'i'* (بداية الصنائع في ترتيب الشرائع) karangan al-Kasani, 'Ala' al-Din Abu Bakr bin Mas'ud bin Ahmad (587H);
- (vii) Kitab *al-Hidayah fi Sharh Bidayat al-Mubtadi* (الهداية في شرح بداية المبتدى) karangan al-Marghinani, Abu al-Hasan 'Ali bin Abi Bakr bin 'Abd al-



- Jalil al-Farghani (593H);
- (viii) Kitab *Tabyin al-Haqa'iq Sharh Kanz al-Daqa'iq* (تبیین الحقائق شرح كنز الدقائق) karangan al-Zayla'i, 'Uthman bin 'Ali al-Bari'i (743H);
- (ix) Kitab *Sharh al-Wiqayah* (شرح الوقاية) karangan al-Mahbubi, Sadr al-Shari'ah 'Ubaydullah bin Mas'ud (747H);
- (x) Kitab *al-'Inayah Sharh al-Hidayah* (العناية شرح الهداية) karangan al-Babarti, Muhammad bin Muhammad bin Mahmud, Akmal al-Din Abu 'Abdillah (786H);
- (xi) Kitab *Fath al-Qadir* (فتح القدير) karangan Ibnu al-Humam, Kamal al-Din Muhammad bin 'Abd al-Wahid al-Siwasi (861H);
- (xii) Kitab *al-Bahr al-Ra'iq Sharh Kanz al-Daqa'iq* (البحر الراقق شرح كنز الدقائق) karangan Ibnu Nujaym, Zayn al-Din bin Ibrahim bin Muhammad (970H);
- (xiii) Kitab *al-Nahr al-Fa'iq Sharh Kanz al-Daqa'iq* (النهر الفائق شرح كنز الدقائق) karangan Ibnu Nujaym, Siraj al-Din 'Umar bin Ibrahim bin Muhammad (1005H); dan
- (xiv) Kitab *Radd al-Muhtar 'ala al-Durr al-Mukhtar* (رد المحتار على الدر المختار) karangan Ibnu 'Abidin, Muhammad Amin bin 'Umar bin 'Abd al-'Aziz (1252H).

Ketiga: Pengeluaran Fatwa Menurut Qawl Muktamad Mazhab Maliki

Definisi Qawl Muktamad Mazhab Maliki

33. Qawl muktamad Mazhab Maliki ialah pandangan yang dipegang dalam Mazhab Maliki (yang difatwakan dengannya) yang telah ditetapkan melalui kaedah-kaedah Mazhab Maliki. Ia adalah pendapat Imam Malik dan *ashab* yang sama manhaj dengannya berdasarkan kaedah dan usul Mazhab Maliki.



Kaedah Penetapan *Qawl* Muktamad Dalam Mazhab Maliki

34. Kaedah penetapan *qawl* muktamad dalam Mazhab Maliki adalah seperti turutan berikut:

- (i) Pendapat Imam Malik yang diriwayatkan oleh Ibn Qasim dalam kitab *al-Mudawwanah*;
- (ii) Pendapat Imam Malik yang diriwayatkan oleh selain Ibn Qasim dalam kitab *al-Mudawwanah*;
- (iii) Pendapat Ibn Qasim dalam kitab *al-Mudawwanah*;
- (iv) Pendapat selain Ibn Qasim dalam kitab *al-Mudawwanah*;
- (v) Pendapat Imam Malik yang diriwayatkan Ibn Qasim dalam selain kitab *al-Mudawwanah*;
- (vi) Pendapat Imam Malik yang diriwayatkan oleh selain Ibn Qasim dalam selain kitab *al-Mudawwanah*;
- (vii) Pendapat Ibn Qasim dalam selain kitab *al-Mudawwanah*; dan
- (viii) Pendapat ulama-ulama Mazhab Maliki yang lain.

35. Kitab *al-Mudawwanah* didahulukan berbanding kitab *al-Muwatta'* kerana kitab *al-Mudawwanah* datang kemudian daripada kitab *al-Muwatta'*. Kitab *al-Mudawwanah* mengandungi pendapat-pendapat Imam Malik yang diriwayatkan oleh Ibn Qasim iaitu anak muridnya yang paling dipercayai dan yang paling lama berguru dengannya.

36. Kaedah merujuk kitab-kitab bagi mengenal pasti pendapat muktamad Mazhab Maliki ialah:

Pertama: Kitab-Kitab Induk (*Ummahat al-Kutub*)

- (i) Kitab *al-Muwatta'* (الموطأ) karangan Imam Malik bin Anas (179H);
- (ii) Kitab *al-Mudawwanah al-Kubra* (المدونة الكبرى) karangan Imam Sahnun (240H);
- (iii) Kitab *al-Wadihah* (الواضحة) karangan 'Abd al-Malik bin Habib;



- (iv) Kitab *al-Mustakhrajah* (al-'Utbiyyah) (المستخرجة - العتبية) karangan Abu 'Abdillah Muhammad bin Ahmad bin 'Abd al-'Aziz bin Abi 'Utbah. Imam Abu al-Walid bin Rushd telah mensyarakannya melalui kitabnya *al-Bayan wa al-Tahsil* (البيان والتحصيل);
- (v) Kitab *al-Mawaziyyah* (الموازية) karangan Muhammad bin al-Mawaz;
- (vi) Kitab *al-Majmu'ah* (المجموعة) karangan Ibn 'Abdus;
- (vii) Kitab *al-Mabsut fi al-Fiqh* (المبسوط في الفقه) karangan al-Qadi Abu Ishaq Ismail bin Ishaq; dan
- (viii) Kitab *Mukhtasarat Ibn 'Abd al-Hakam* (مختصرات ابن عبد الحكم) karangan 'Abdullah bin 'Abd al-Hakam bin A'yan.

Kedua: Kitab-kitab Muktamad Mazhab Maliki

- (i) Kitab *Mukhtasar Khalil* (مختصر خليل) karangan Khalil bin Ishaq (776H);
- (ii) Kitab *Mawahib al-Jalil fi Sharh Mukhtasar Khalil* (مواهب الجليل في شرح مختصر خليل) karangan al-Hattab (954H);
- (iii) Kitab *Sharh al-Zarqani 'ala Mukhtasar Sayyidi Khalil* (شرح الزرقاني على مختصر سيدى خليل) karangan Al-Zarqani (1099H);
- (iv) Kitab *Hashiyat al-'Adawi 'Ala al-Khurashi 'Ala Mukhtasar Khalil* (حاشية العدوى على الخرشى على مختصر خليل) karangan 'Ali bin Ahmad al-'Adawi (1189H); dan
- (v) Kitab *Hashiyat al-Dusuqi 'Ala al-Sharh al-Kabir* (حاشية الدسوقي على الشرح الكبير) karangan Muhammad 'Urfah al-Dusuqi (1230H).

Keempat: Pengeluaran Fatwa Menurut Qaw/ Muktamad Mazhab Hanbali

Definisi Qaw/ Muktamad Mazhab Hanbali

37. Qaw/ muktamad Mazhab Hanbali ialah pandangan yang dipegang



berdasarkan kaedah-kaedah tertentu Mazhab Hanbali.

Kaedah Penetapan Qaw/ Muktamad Dalam Mazhab Hanbali

38. Pendapat yang disepakati oleh Imam Musa bin Ahmad al-Maqdisi al-Hijawi (968H) dalam kitabnya *al-Iqna'* (الإقناع) dan Imam Taqi al-Din Ibn al-Najjar al-Futuhi (972H) dalam kitabnya *Muntaha al-Iradat fi al-Jam' Bayn al-Muqni' wa al-Tanqih wa al-Ziyadat* (منتهى الإرادات في الجمع بين المقنع والتنقيح والزيادات).
39. Sekiranya terdapat perbezaan terhadap penjelasan hukum bagi sesuatu isu antara Imam al-Hijawi dan Ibnu al-Najjar al-Futuhi dalam kitab mereka, maka hendaklah dirujuk kepada pendapat berikut:
- (i) Imam 'Ala' al-Din al-Mirdawi (884H) dalam kitabnya:
 - *al-Tanqih al-Mushbi' fi Tahrir Ahkam al-Muqni'* (التنقيح المشبع في تحرير أحكام المقنع) ;
 - *al-Insaf fi Ma'rifat al-Rajih min al-Khilaf 'Ala Madhhab al-Imam Ahmad bin Hanbal*; dan (الإنصاف في معرفة الراجح من الخلاف على مذهب الامام أحمد بن حنبل);
 - *Tashih al-Furu'* (تصحیح الفروع).
 - (ii) Pendapat Imam al-Mar'i bin Yusuf al-Karami (1033H) dalam kitabnya *Ghayat al-Muntaha fi al-Jam' Bayn al-Iqna' wa al-Muntaha*, (غاية المنتهى في الجمع بين الإقناع والمنتهى) ;
 - (iii) mana-mana pendapat Imam al-Mirdawi atau al-Karami yang menyokong pendapat Imam al-Hijawi dan Ibnu al-Najjar al-Futuhi, maka pendapat itulah yang muktamad dalam mazhab; dan
 - (iv) kebanyakan pendapat muktamad dalam Mazhab Hanbali adalah merujuk kepada pentarjihan yang dinyatakan oleh Imam Ibnu al-Najjar al-Futuhi dalam kitabnya *al-Muntaha* (المنتهى).
40. Kitab-kitab yang menjadi rujukan bagi mengenal pasti pendapat muktamad Mazhab Hanbali adalah seperti berikut:
- (i) Kitab *al-Tanqih al-Mushbi' fi Tahrir Ahkam al-Muqni'* (التنقيح المشبع في تحرير أحكام المقنع) karangan Imam 'Ala' al-Din al-Mirdawi



- (884H);
- (ii) Kitab *al-Insaf fi Ma'rifat al-Rajih min al-Khilaf 'ala Madhhab al-Imam Ahmad bin Hanbal* (الانصاف في معرفة الراجح من الخلاف على مذهب الامام أحمد بن حنبل) karangan Imam 'Ala al-Din al-Mirdawi (884H);
- (iii) Kitab *Tashih al-Furu'* (تصحيح الفروع) karangan Imam 'Ala' al-Din al-Mirdawi (884H);
- (iv) Kitab *al-Iqna'* (الإقناع) karangan Imam Musa bin Ahmad al-Maqdisi al-Hijawi (968H).
- (v) Kitab *Muntaha al-Iradat fi al-Jam' Bayn al-Muqni' wa al-Tanqih wa al-Ziyadat* (منتهى الإرادات في الجمع بين المقنع والتنقيح والزيادات) karangan Imam Taqi al-Din Ibn al-Najjar al-Futuhi (972H); dan
- (vi) Kitab *Ghayat al-Muntaha fi al-Jam' Bayn al-Iqna' Wa al-Muntaha* (غاية المنتهى في الجمع بين الإقناع والمنتهى) karangan Imam Mar'i bin Yusuf al-Karami (1033 H).

Pengeluaran Fatwa Mengikut Ijtihad

41. Jika Jawatankuasa Fatwa berpendapat tiada satu pun *qawl* muktamad daripada empat mazhab itu boleh diikuti tanpa membawa kepada keadaan yang berlawanan dengan kepentingan awam, Jawatankuasa Fatwa bolehlah membuat fatwa itu mengikut ijthidat tanpa terikat dengan *qawl* muktamad daripada mana-mana mazhab yang empat itu.
42. Sumber ijthidat hukum atau fatwa yang utama ialah al-Quran, al-Sunnah, Ijmak dan Qiyas. Seterusnya adalah sumber rujukan berikut:
- (i) *Al-Istihsan* (الاستحسان)
- (ii) *Al-Masalih al-Mursalah* (المصالح المرسله)
- (iii) *Al-'Urf* (العرف)
- (iv) *Sad al-Dhara'i'* (سد الذرائع)
- (v) *Al-Istishab* (الاستصحاب)
- (vi) *Shar'u Man Qablana* (شرع من قبلنا)
- (vii) *Qawl al-Sahabiyy* (قول الصحابي)
- (viii) *'Amal Ahl Al-Madinah* (عمل أهل المدينة)



43. Pakar-pakar dalam bidang-bidang yang berkaitan hendaklah dipanggil untuk memberi penjelasan dan pandangan terperinci dalam isu-isu tertentu. Ini bagi memastikan Jawatankuasa Fatwa mendapat maklumat yang tepat dan jelas sebelum pandangan hukum atau fatwa diputuskan.

Meraikan Kepentingan Awam (المصلحة العامة)

44. Kepentingan awam ialah kebaikan dan manfaat kepada masyarakat yang diperakui kesahihannya oleh Mufti atau Jawatankuasa Fatwa demi mencapai *Maqasid Syariah*. *Maqasid Syariah* ialah kebaikan (*maslahah*) yang ingin dicapai oleh Syarak untuk manfaat manusia di dunia dan akhirat. Ia merangkumi pemeliharaan terhadap lima perkara kemestian utama (*al-daruriyyat al-khamsah*) iaitu menjaga agama, nyawa, keturunan, akal dan harta.

45. Kriteria kepentingan awam ialah:

- (i) bertepatan dengan *Maqasid Syariah*;
- (ii) perkara hakiki atau sangkaan kuat (*ghalabat al-zann*), bukannya khayalan;
- (iii) sesuai dengan uruf dan amalan setempat yang diiktiraf Syarak; dan
- (iv) bersifat menyeluruh (*al-'umum*) atau kebanyakan (*al-ghalabah*).

Fatwa Yang Ada Hubungan Dengan Kepentingan Nasional

46. Apabila Jawatankuasa Fatwa mendapati bahawa suatu pandangan hukum atau fatwa yang dicadangkan dibuat adalah berkaitan dengan perkara-perkara yang menyentuh kepentingan nasional, Jawatankuasa Fatwa hendaklah menengguhkan perbincangannya tentang hukum atau fatwa yang dicadangkan itu.

47. Seterusnya Jawatankuasa Fatwa bolehlah membuat syor kepada Yang di-Pertuan Agong untuk mendapatkan perkenannya agar hukum/fatwa yang dicadangkan itu dirujukkan kepada Jawatankuasa Fatwa MKI; melalui Majlis Raja-Raja.



48. Setelah Yang di-Pertuan Agong memberikan perkenannya, Jawatankuasa Fatwa hendaklah, sebelum fatwa itu dirujuk kepada Jawatankuasa Fatwa MKI, memaklumkan kepada Kerajaan Negeri tentang perujukan itu.
49. Perkara-perkara yang menyentuh kepentingan nasional jika persoalan itu ada hubungan dengan apa-apa perkara, dasar, program atau aktiviti yang secara langsung menyentuh kepentingan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau mana-mana kementerian, jabatan atau agensi-agensinya.
50. Jawatankuasa Fatwa hendaklah menerima pakai apa-apa nasihat dan syor Jawatankuasa Fatwa MKI yang menyentuh apa-apa perbuatan, amalan atau upacara agama yang telah dipersetujui oleh Majlis Raja-Raja diperluaskan meliputi seluruh Persekutuan menurut Perkara 38(2)(b) Perlembagaan Persekutuan.
51. Nasihat dan syor yang diterima pakai menurut kuasa di atas hendaklah disifatkan sebagai hukum/fatwa yang dibuat oleh Jawatankuasa Fatwa di bawah Seksyen 48 Enakmen Pentadbiran.

Penyediaan *Sighah*

52. Selepas Jawatankuasa Fatwa telah memutuskan sesuatu hukum atau fatwa, maka hendaklah disediakan *sighah* hukum atau fatwa tersebut.
53. *Sighah* hukum atau fatwa itu hendaklah secara asasnya mengandungi:
 - (i) Tajuk Hukum atau Fatwa;
 - (ii) Muqaddimah Keputusan (Bilangan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa, dan tarikh);
 - (iii) Hujah dan dalil; dan
 - (iv) Hukum atau Fatwa.

Pewartaan Fatwa

54. Apabila sesuatu hukum atau fatwa yang telah diputuskan untuk



diwartakan, maka *sighah* fatwa bagi tujuan pewartaan hendaklah disediakan. *Sighah* pewartaan hendaklah secara asasnya mengandungi:

- (i) Tajuk Fatwa;
- (ii) Muqaddimah (nyatakan Enakmen & Seksyen);
- (iii) Bilangan mesyuarat dan tarikh;
- (iv) Fatwa;
- (v) Ciri kesalahan atau kesesatan atau hukum (mana yang berkaitan); dan
- (vi) Elemen larangan atau undang-undang.

55. Selepas *sighah* pewartaan disediakan, Mufti hendaklah bagi pihak dan atas nama Jawatankuasa Fatwa, membuat syor kepada Yang di-Pertuan Agong untuk mendapatkan perkenan bagi penyiaran fatwa itu dalam *Warta*.

56. Apabila fatwa itu telah diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong, Jawatankuasa Fatwa hendaklah memaklumkan kepada Kerajaan Negeri tentang fatwa itu dan selepas itu hendaklah menyebabkan fatwa itu disiarkan dalam *Warta*.

Penyampaian dan Hebahan

57. Hukum atau fatwa yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa hendaklah disampaikan kepada pihak-pihak yang mengemukakan persoalan dan pihak-pihak yang berkaitan.

58. Hukum atau fatwa yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa hendaklah dihebahkan kepada umum sebagai panduan hukum.

59. Bagi fatwa yang telah diwartakan, siaran *Warta* itu disampaikan kepada Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang dan mana-mana pihak bagi apa-apa tindakan yang berkaitan.



Penutup

60. Garis Panduan Pengeluaran Fatwa Negeri Pulau Pinang ini adalah menjadi asas rujukan dalam proses mengeluarkan sesuatu hukum atau fatwa di negeri Pulau Pinang.



RUJUKAN

1. السيد عَلَوِيّ بن أحمد بن عبد الرحمن السَّقَاف الشافعي المكيّ. 2012. الفوائد المكيّة فيما يحتاجُه طلبه الشافعية. بيروت: مؤسسة الرسالة ناشرون.
2. عبد الله بن الشيخ المحفوظ بن بَيَّة. 2007. صناعة الفتوى وفقه الأقبليّات. جدة: دار المنهاج.
3. عبد الله بن محمد باقشير الحضرمي الشافعي. د.س. قَلَايِدُ الحَرَائِدِ وَقَرَايِدُ القَوَائِدِ. د.م: مكتبة تريم الحديثة.
4. علي جمعة محمد. 2012. المدخل إلى دراسة المذاهب الفقهية. القاهرة: دار السلام.
5. محمد تقي العثماني. 2014. أصول الإفتاء وآدابه. دمشق: دار القلم.
6. محمد حفظ الرحمن الكُمَيْلَايِي. 1429هـ. الروض النضير على النافع الكبير. بنغلاديش: مكتبة شيخ الإسلام.
7. Ad-Daghistani, Murtadza Ali bin Muhammad al-Muhammadi. 2008. *Al-Madkal ila Usul al-Imam as-Shafie*. Daghistan: Dar As-Salam.
8. Al-Asqar, Umar Sulaiman. 2007. Jordan: Dar an-Nafais.
9. Al-Maliki, as-Sayyid Muhammad bin 'Alawi. 1990. *Syarh Nizam al-Waraqat*. Wizarah al-'Iklam.
10. Al-Qawasi, Akram Yusuf Muhammad. 2008. *Al-Madkhal ila Mazhab as-Shafie*. Jordan: Dar an-Nafais.
11. Ar-Ramli, Muhammad bin Ahmad bin Hamzah. 2009. *Nihayah al-Muhtaj Ila Syarh al-Minhaj*. Beirut: Dar Al-Kutub Al-Ilmiah.
12. Az-Zuhaili, Muhammad. 2008. *Al-Muktamad fi al-Fiqh as-Shafie*. Damsyik: Dar al-Kalam.
13. Ba 'Alawi, Umar bin al-Habib Hamid bin Umar bin Abdurrahman Ba Faraj. *Fathu 'Ali bi Jam'l al-Khilaf Baina Ibn Hajar wa Ibn Ramli*. Dar al-Minhaj.
14. Jaghim, Nu'man. 2007. *Madkhal ila al-Mazhab al-Shafie*. Kuala Lumpur: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
15. Ibn Hajar, Shihabuddin Abi al-Abbas Ahmad bin Muhammad bin Ali. 2011. *Tuhfah al-Muhtaj bi Syarh al-Minhaj*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah.
16. Muhammad, Ali Jumu'ah. 2004. *Al-Madkal ila Dirasah al-Mazahib al-Fiqhiyyah*. Kaherah: Dar as-Salam.
17. Syirbini, Muhammad ibn Muhammad al-Khatib. 2006. *Mughni al-Muhtaj Syarh Minhaj*. Kaherah: Dar al-Hadith.